

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 14 MAC 2023 (SELASA)

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan
apakah peranan dan usaha Kerajaan dalam mengawal dan seterusnya
mengatasi masalah tambang penerbangan yang meningkat di musim
perayaan terutamanya penerbangan dari Sabah ke Kuala Lumpur atau
sebaliknya. Dipohon juga agar penerbangan Kota Kinabalu–Sandakan
dapat ditambah kekerapannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan yang tinggi serta di luar kemampuan terutamanya semasa musim perayaan.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pemerhatian oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) pada 25 Januari 2023, harga tambang penerbangan sehala kelas ekonomi bagi tempoh penerbangan untuk musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2023 iaitu dari 19 dan 22 hingga 25 April 2023 (“tempoh pemerhatian”), adalah antara RM104 hingga RM1,398, manakala bagi 20 hingga 21 April 2023 (“tempoh puncak”), harga tambang sehala adalah antara RM254 hingga RM1,398. Daripada julat harga tambang tersebut, majoriti harga tiket penerbangan tersedia untuk pembelian bagi semua laluan ekonomi sehala ke Wilayah Sabah pada tempoh yang dipantau adalah di bawah RM400.
3. Kos perjalanan udara boleh menjadi lebih berpatutan sekiranya kesedaran pengguna dapat ditingkatkan supaya merancang perjalanan lebih awal, memahami jenis perkhidmatan penerbangan yang disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan domestik serta memahami bahawa harga tambang ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran.
4. Kementerian Pengangkutan melalui MAVCOM akan meneruskan pemantauan terhadap harga tiket penerbangan bagi semua laluan penerbangan domestik termasuk laluan-laluan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah.
5. Berhubung permintaan Yang Berhormat Kinabatangan agar penerbangan Kota Kinabalu–Sandakan dapat ditambah kekerapannya, Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi.

Walau bagaimanapun, keputusan untuk meningkatkan kekerapan bagi laluan tersebut adalah keputusan komersial yang dibuat oleh syarikat penerbangan berasaskan kepada daya maju komersial (*commercial viability*) laluan.

6. Buat masa ini, Malaysia Airlines Berhad dan AirAsia Berhad menyediakan perkhidmatan penerbangan berjadual bagi laluan Kota Kinabalu–Sandakan v.v. dengan jumlah kekerapan sebanyak 33 penerbangan seminggu. Jumlah kekerapan ini adalah kurang berbanding sebelum penularan pandemik COVID-19 iaitu sebanyak 53 penerbangan seminggu.

7. Kekurangan ini adalah disebabkan syarikat-syarikat penerbangan masih dalam fasa pemulihan di mana kapasiti dan kekerapan penerbangan masih terhad. Sebagai makluman, kapasiti penerbangan secara keseluruhan dijangka hanya akan pulih dan kembali ke tahap pra-pandemik menjelang 2024, selaras dengan anggaran *International Air Transport Association* (IATA).

Sekian, terima kasih.

